



كمنتريڤ سوميبرا اوتام دان فلنچوڠن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam

KENYATAAN AKHBAR KEMPEN MEMBERSIHKAN TAKAT-TAKAT SEMPENA HARI LAUTAN SEDUNIA

MUARA, Khamis, 11 Jun. - Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan kempen membersihkan takat-takat karang di kawasan Pulau Pulong-Pulongan sempena Sambutan Hari Lautan Sedunia yang jatuhnya pada tarikh 8hb Jun setiap tahun. Kempen membersihkan takat-takat karang tersebut adalah usahasama diantara Jabatan Perikanan dengan salah sebuah syarikat penyelam skuba tempatan di Negara Brunei Darussalam iaitu Syarikat Poni Divers. Syarikat Poni Divers berpengalaman dalam aktibiti menyelam dan menyediakan perkhidmatan latihan skuba kepada agensi korporat, kerajaan dan juga persendirian termasuk menyediakan khidmat penyelidikan bagi persekitaran marin.

Aktibiti tersebut disertai oleh seramai 15 orang penyelam daripada Jabatan Perikanan dan Syarikat Poni Divers dan diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Tahsin Wong Abdullah, Ketua Pegawai Eksekutif daripada Syarikat Poni Divers.

Pada tahun 2008, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Resolusi 63/111, perenggan 171 telah mengisytiharkan mulai dari tahun 2009, sambutan Hari Lautan Sedunia atau "*World Oceans Day*" akan diadakan pada setiap 08 haribulan Jun. Pada tahun ini, tema sambutan World Oceans Day adalah "*Innovation for a Sustainable Ocean*".

Dengan berpandukan tema ini, sambutan Hari Lautan Sedunia hari ini:

- mengetengahkan sumbangan lautan kepada masyarakat setempat khasnya dan kehidupan manusia keseluruhannya; dan juga,
- memberi peluang untuk menimbulkan kesedaran mengenai cabaran-cabaran yang sedang dihadapi oleh masyarakat antarabangsa mengenai lautan terutama dalam mempertahankan kapasitinya untuk mengawal perubahan iklim, memberikan

perkhidmatan ekosistem bagi menampung kehidupan yang berkesinambungan dan rekreasi yang selamat.

Lautan dan ekosistem marin terdedah kepada pencemaran daripada aktiviti manusia termasuk aktiviti penangkapan ikan seperti pembuangan pukat-pukat yang telah rosak yang mana boleh mengakibatkan pencemaran ke atas sumber perikanan yang penting dan boleh mengancam kehidupan marin.

Kempen membersihkan pukat-pukat yang terdampar di kawasan takat-takat karang ini turut diselaraskan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Munah Hj Lampoh, Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan bagi mengetuai pihak Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Aktibiti menyelam pada hari ini telah berjaya mengumpulkan hamper sejumlah 30 kilogram pukat-pukat yang telah rosak dan hanyut di kawasan perairan Pulau Pulong-Pilongan.

Disamping itu, kerja-kerja pembersihan takat di kawasan antara Kuala Tutong dan Daerah Belait ke destinasi *Porter's Patch* yang juga dikendalikan oleh Jabatan Perikanan bersama Syarikat Poni Divers telahpun selesai dilaksanakan pada hari Jumaat, 5hb Jun yang lalu.

Dikeluarkan oleh
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
20 SYAWAL 1441/ 11 JUN 2020